BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UiTM

Universiti Teknologi MARA | Perpustakaan Tun Abdul Razak

# IQRA'

**Bil. 1/2022**
**JANUARI**
**eISBN : 2735-1920**




***LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan: Duta Sosial & Kebajikan***
PTAR Shah Alam - **muka 6**




***Perbincangan Kolaborasi Antara PTAR & Unit Perkhidmatan OKU***
PTAR Shah Alam - **muka 10**




***Library Outreach Bersama Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022***
PTAR Alor Gajah - **muka 15**




***LIVE@PTDI Sembang Santai: Dari Segamat ke England***
PTAR Segamat - **muka 22**




***LIVE@PTAR Better Marks Secrets Online Databases***
PTAR Kedah - **muka 33**

## PROMOSI@PTAR







*Hak Cipta Terpelihara © 2022 Perpustakaan Tun Abdul Razak*

# TAHNIAH & SELAMAT DATANG PEMBANTU PUSTAKAWAN (S19) PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS JASIN 17 JANUARI 2022

*Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman*




*Pada 17 Januari 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menerima kedatangan staf baharu Pembantu Pustakawan (S19), Puan Noorhafizah binti Azaman. Beliau telah menjalani latihan sangkut di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah bagi mempelajari proses kerja di perpustakaan. Latihan sangkut ini telah dijalankan selama 2 minggu bermula pada 18 Januari 2022 sehingga 27 Januari 2022. Beliau akan ditempatkan di bawah Unit Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan yang diketuai oleh Cik Ilya Nur Fateen binti Othman. PTAR UiTM Cawangan Melaka mengucapkan selamat berkhidmat dengan cemerlang kepada Puan Noorhafizah binti Azaman, Pembantu Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin.*

